



MUHYIDDIN Yassin melambai tangan ketika hadir dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Perdana Menteri di Padang Pekan Kota Marudu, Sabah semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

'Saya tak mampu janji bulan, matahari'

UM - 19/9/2020 ml: 3

Oleh **ZULKIFLI JALIL**
dan **HADI AB. MANAP**
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA KINABALU: Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan kehadirannya berkecenderungan di bumi Sabah hanyalah untuk menawarkan perkara-perkara yang mampu ditunaikan oleh kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Perdana Menteri berkata, beliau tidak mampu menjanjikan perkara-perkara mustahil seperti 'bulan dan matahari' sebagaimana manifesto Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Beliau menjelaskan, kerajaan sentiasa berhasrat untuk meningkatkan penyaluran bantuan kepada rakyat dari semasa ke semasa dan bukannya hanya

ketika musim pilihan raya.

"Saya di sini bukan untuk menceritakan benda-benda yang mustahil. Saya mahu ceritakan yang hak. Saya hendak beritahu apa yang boleh kita lakukan. Saya tidak menjanjikan 'bulan dan matahari' kerana saya tidak ada kuasa.

"Yang ada kuasa ialah Allah. Yang saya boleh janji adalah apa yang boleh kerajaan laksanakan. Kalau ada lagi peruntukan yang boleh kita gunakan untuk membantu rakyat, saya akan beritahu pada bila-bila masa untuk kita tambah lagi supaya rakyat yang hidup miskin dan susah dapat kita tolong," katanya ketika berucap dalam majlis ramah mesra di sini semalam.

Kelmarin, ketika melancarkan Skim Subsidi Baja dan Ra-

cun Padi Bukit/Huma, Tan Sri Muhyiddin mengumumkan, kerajaan akan mengembalikan semula nilai RM50 elaun sara hidup nelayan yang dipotong ketika era pentadbiran kerajaan PH.

Ini bermakna, elaun berkenaan kembali kepada jumlah asal sebelum PRU-14 iaitu RM300 berbanding hanya RM250 sebelum ini.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Perdana Menteri mengingatkan pembangkang supaya tidak mempersenda bantuan kerajaan meskipun nilainya sekadar RM50.

"Alah RM50, RM50 kali 12 bulan sudah RM600 setahun. Rakyat boleh gunakan jumlah itu sekurang-kurangnya untuk membeli keperluan makanan," tegasnya yang juga Pengerusi PN.